

رمضان كريم

KEINDAHAN BERPUASA

*Muhammad Safwan bin Abdullah
Zalypah binti Hassan @ Dawan
Árifah Mursyidah binti Illiashaq*

KEINDAHAN BERPUASA

***Muhammad Safwan bin Abdullah
Zalypah binti Hassan @ Dawan
Árifah Mursyidah binti Illiashaq***

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Nama penulis : Muhammad Safwan bin Abdullah

Nama penulis : Zalypah binti Hassan @ Dawan

Editor : Árifah Mursyidah binti Illiashaq

No eISBN : 978-967-0032-96-2

Diterbitkan Oleh:

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Persiaran Usahawan,

Seksyen U1,

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No.: +603 5163 4000

Fax No. : +603 5569 1903

e ISBN 978-967-0032-96-2



9 789670 032962

PRAKATA

Alhamdulillah, segala puji dirafa'kan kepada Allah SWT, kerana dengan izin-Nya terhasillah buku Keindahan Berpuasa bagi kursus Pengajian Islam edisi Politeknik Malaysia.

Buku ini dihasilkan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar dan pensyarah mengenai ibadat puasa dan hukum-hakam berkaitannya.

Ia boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan bersesuaian dengan sukanan silibus yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan dan memberi sokongan dalam penerbitan buku ini.

Semoga e-buku yang dihasilkan ini dapat memberi manfaat kepada warga Politeknik khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya.






BIODATA PENULIS



Muhammad Safwan bin Abdullah. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusastraan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pernah berkhidmat di sekolah menengah agama selama 4 tahun, dan sebagai pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik hampir 18 tahun. Beliau merupakan Ketua Kursus Pendidikan Islam di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Zalypah binti Hassan @ Dawan. Beliau berkelulusan Universiti Mutah, Jordan. 23 tahun berkhidmat sebagai pensyarah Unit Pendidikan Islam, Politeknik. Penyelaras kursus MPU 23012 Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pernah melibatkan diri dalam penulisan modul Pengurusan dalam Islam yang dijadikan rujukan pelajar PSA sebelum ini.



Árifah Mursyidah binti Illiashaq. Beliau berkelulusan Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat di Universiti Islam Selangor. Berpengalaman dalam pengurusan akademik tahfiz TVET dibawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di Institut Kemahiran selama 3 tahun. Kini, bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Pengajian Am dan Pensyarah Program Techno-Huffaz di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

OBJEKTIF BUKU INI



1

Memudahkan pembaca
memahami sejarah amalan
berpuasa

2

Menyedari dan memahami
kepentingan ibadah puasa

3

Memahami tujuan dan
hikmah puasa

4

Mengetahui syarat-syarat dan
keistimewaan berpuasa

KEISTIMEWAAN BUKU INI

- 1** Menggunakan ayat yang mudah dan susunan yang kemas
- 2** Aktiviti pengukuhan pada setiap topik
- 3** Link video berkaitan puasa
- 4** Infografik yang kreatif serta menarik minat untuk membaca
- 5** Slot Info Tambahan Tahukah Anda
- 6** Ruangan luahan rasa , Pada pandangan saya
- 7** Info lengkap tentang puasa dalam telefon pintar

KANDUNGAN

Pengenalan	9
Definisi	10
Dalil dan hukum	11
Puasa umat terdahulu	12
Aktiviti pengukuhan	13
Rukun puasa	14
Syarat wajib puasa	16
Syarat sah puasa	17
Jenis-jenis puasa	19
Aktiviti pengukuhan	25
Qadha puasa dan fidyah	26
Aktiviti pengukuhan	30
Tingkatan puasa	31
Perkara yang membatalkan puasa	32
Perkara makruh ketika puasa	33
Aktiviti pengukuhan	34
Perkara sunat ketika puasa	35
Aktiviti pengukuhan	46
Perbezaan puasa orang bukan Islam	47
Aktiviti pengukuhan	56
Hikmah puasa	57
Kelebihan puasa menurut sains	60
Aktiviti pengukuhan	65
Isu semasa berkaitan puasa dan fatwa ulama'	66
Pada pandangan saya	73
Nota Ramadhan	77
Kesimpulan	79
Rujukan	80



PENGENALAN

Ibadah puasa merupakan amalan yang mampu mendidik manusia menjadi seorang yang bertaqwa. Puasa bukan sahaja menahan diri dari lapar dan dahaga, tetapi ia juga menjadi medan perjuangan bagi mengawal hawa nafsu.

Dewasa ini, amalan berpuasa bukan sahaja diamalkan oleh orang Islam, bahkan ia juga diamalkan oleh orang bukan Islam setelah mereka menyedari keistimewaan berpuasa terutama dari aspek kesihatan.

Di dalam e-buku ini penulis cuba mengupas syarat serta peraturan berpuasa dan fadhilatnya agar ia menjadi jambatan yang membawa manusia kepada keimanan dan ketaqwaan.



IBADAT PUASA

DEFINISI PUASA

Perkataan puasa berasal dari bahasa Arab (Ash-Shiyam) yang membawa erti menahan diri dari sesuatu perkataan atau makanan.

Dari sudut istilah bermaksud mencegah dan menahan diri secara sedar daripada makan, minum, hubungan seks dan hal-hal seumpamanya selama sehari yakni bermula terbit fajar sehingga terbenamnya matahari.

*Tahukah
Anda ?*



- ✓ Syariat puasa pada zaman Nabi Musa dan Nabi Isa ialah tidak bercakap dengan orang lain semasa puasa.
- ✓ Saidatina Maryam bernazar untuk berpuasa bagi menghadapi fitnah masyarakat. Surah Maryam (26)



DALIL DAN HUKUM

DALIL PUASA

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصَّيَّامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُم تَتَّقُونَ

ERTINYA : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa"

Surah Al-Baqarah (183)

HUKUM

Puasa adalah satu ibadat yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam setelah turunnya perintah Allah pada 2 Syaaban tahun kedua hijrah

Tahukah
anda ?

Ibadat puasa disyariatkan pada bulan Ramadhan. Tapi Ahli Kitab telah mengubah waktu dan menambah bilangan puasa. (Imam Qurtubi)



PUASA UMAT TERDAHULU

ZAMAN NABI MUHAMMAD

Pada awal Islam, Nabi hanya berpuasa tiga hari dalam sebulan dan puasa 'Asyura iaitu pada 10 Muharram.

Puasa diperintahkan pada 2 Syaaban tahun kedua hijrah

Puasa dilaksanakan selama 30 hari pada bulan Ramadhan dan ianya adalah wajib

ZAMAN NABI ADAM DAN NABI NUH

Nabi Adam dan Nabi Nuh berpuasa selama tiga hari setiap bulan sepanjang tahun (Ibnu Kathir)

ZAMAN NABI MUSA

Kaum Yahudi melaksanakan ibadat puasa selama 40 hari (al-Qurtubi)

ZAMAN NABI ISA

Orang Nasrani berpuasa selama 50 hari (al-Qurtubi)

ZAMAN NABI DAUD

Baginda berpuasa sehari dan berbuka sehari sepanjang tahun.

AKTIVITI PENGUKUHAN

1. Apakah pengertian puasa dalam Islam?


2. Berapa hari Bangsa Yahudi wajib melaksanakan puasa?

3. Kenapakah Saidatina Maryam bernazar untuk melaksanakan puasa?

4. Adakah Nabi Muhammad pernah berpuasa sebelum turunnya kewajipan berpuasa pada bulan Ramadhan ? Sila jelaskan.



RUKUN PUASA



1

NIAT

Qasad (menyengahajakan) sesuatu disertai dengan amal perbuatan.
(Pendapat Imam Syafii)

[WATCH NOW](#)



نَوَيْتُ صُومَ غَدِّ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى
Sahaja aku berpuasa esok hari untuk menunaikan fardhu Ramadhan tahun ini kerana Allah Ta'ala

2

MENAHAN DIRI

Menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Tahukah anda ?

TEMPOH NIAT

Puasa wajib : Niatnya bermula dari terbenamnya matahari (maghrib) dan sebelum terbit waktu fajar (subuh)

Puasa sunat : Niatnya bermula dari terbenamnya matahari (maghrib) dan sebelum tergelincir matahari (zohor)

Syarat Wajib dan Sah puasa



SYARAT WAJIB PUASA

1

BERAKAL

Orang yang gila tidak wajib berpuasa

2

BALIGH

Lelaki yang dikira baligh ialah yang telah keluar air mani atau mimpi basah manakala bagi perempuan pula ialah yang sudah datang haid atau lelaki dan perempuan yang cukup umurnya 15 tahun qamariyyah (Syafie dan Ahmad) dan 18 tahun (Maliki dan Hanafi).

3

BERKEMAMPUAN

Orang sakit atau orang tua yang tidak mampu untuk berpuasa adalah tidak diwajibkan

SYARAT SAH PUASA

1

Islam

tidak sah puasa orang kafir.



2

Berakal dan Mumayyiz

(tahu membezakan antara baik dan buruk),
tidak sah puasa orang gila dan kanak-kanak
yang belum mumayyiz kerana mereka tidak
memiliki niat.

3

Suci daripada haid dan nifas

tidak mempunyai keuzuran yang menghalangnya
daripada berpuasa seperti haid atau nifas.

رمضان
مبارک

JENIS-JENIS PUASA



JENIS-JENIS PUASA

PUASA YANG DIWAJIBKAN

1

Puasa Ramadhan

Berpuasa sebulan
dalam bulan
Ramadhan setiap
tahun.

2

Puasa Qadha

Puasa yang dilakukan
untuk menggantikan
puasa yang
ditinggalkan pada
bulan Ramadhan.
Wajib mengqadhanya
sebelum tiba bulan
Ramadhan
berikutnya.



JENIS-JENIS PUASA

PUASA YANG DIWAJIBKAN

3

Puasa Nazar

Wajib bagi seseorang yang bernazar menunaikannya berdasarkan apa yang disebut ketika bernazar, seperti nazar untuk berpuasa.

4

Puasa Kifarat

laitu puasa (bagi lelaki yang bersetubuh dengan isteri di siang hari pada bulan Ramadhan).



JENIS-JENIS PUASA



PUASA YANG DISUNATKAN

1. Pada hari Arafah (9 Zulhijjah).

Ia disunatkan bagi orang yang tidak mengerjakan haji.

Daripada Abu Qatadah r.a katanya: Rasulullah SAW ditanya mengenai puasa Arafah. Sabda Baginda:

“Ia menghapuskan dosa-dosa tahun yang lalu dan tahun yang akan datang.”

Riwayat Muslim (1162).

2. Puasa hari 'Asyura dan Tasu'a.

'Asyura ialah 10 Muharram dan Tasu'a ialah 9 Muharram.

Dari Abu Qatadah r.a. Rasulullah SAW telah ditanyakan tentang puasa pada hari 'Asyura, baginda menjawab: “Ia menghapuskan dosa tahun yang lalu.”

Riwayat Muslim (1162)

Daripada Ibnu Abbas r.a katanya Rasulullah SAW bersabda:

“Kalaualah aku masih hidup hingga ke tahun hadapan, nescaya aku akan berpuasa pada hari yang kesembilan.”

Riwayat Muslim (1174) , tetapi Baginda SAW wafat sebelum itu.





JENIS-JENIS PUASA



PUASA YANG DISUNATKAN

3. Puasa hari Isnin dan Khamis.

Dalilnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh at-Tirmidzi (745) daripada Aisyah r.a. katanya:

“Rasulullah SAW sentiasa berpuasa pada hari Isnin dan Khamis.”



4. Puasa 3 hari setiap bulan.

Paling afodal ialah berpuasa pada hari-hari putih iaitu 13, 14 dan 15 daripada bulan Qamariyah (tahun Hijrah). Ia dinamakan hari-hari putih kerana malam hari-hari tersebut sentiasa disiniari dengan cahaya bulan.

5. Puasa enam hari dalam bulan Syawal.

Muslim (1164) meriwayatkan daripada Abu Ayub r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبْعَثُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ
كَصِيَامَ الدَّهْرِ

“Barangsiapa berpuasa Ramadhan dan diikuti dengan puasa 6 hari pada bulan Syawal, maka seolah-olah dia telah berpuasa selama-lamanya.”



JENIS-JENIS PUASA



PUASA YANG DIHARAMKAN



1

Hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah)

Hari Tasyriq ialah hari-hari selepas hari 'Aidil Adha.

Dalil pengharaman puasa pada hari tersebut ialah hadis diriwayatkan oleh Abu Daud (2334) dan at-Tirmidzi (686) dan disahihkannya daripada Ammar bin Yasir r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ الْيَوْمَ الَّذِي يَسْكُنُ فِيهِ النَّاسُ فَقُدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Barangsiapa yang berpuasa pada hari manusia merasa syak terhadapnya (puasa hari Syak), maka dia telah menderhaka terhadap Abu al-Qasim SAW.”

2

Pada hari raya Aidil Adha iaitu pada 10 Zulhijjah

Dalilnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (1138) daripada Abu Hurairah r.a

“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah melarang berpuasa pada dua hari raya iaitu hari 'Aidil Adha dan 'Aidil Fitri.”



JENIS-JENIS PUASA



PUASA YANG DIHARAMKAN



3

Puasa pada hari Syak (30 Sya'ban)

4

Pada hari raya Aidilfitri
iaitu pada 1 Syawal.

Dalilnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (1138) daripada Abu Hurairah r.a

“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah melarang berpuasa pada dua hari raya iaitu hari ‘Aidil Adha dan ‘Aidil Fitri.”

Ini kerana ada keraguan sama ada ia termasuk bulan Sya'ban atau bulan Ramadhan, disebabkan tidak sabit rukyah hilal.

Dalil pengharaman puasa pada hari tersebut hadis Abu Daud (2418) meriwayatkan daripada Amru bin al-'Ash katanya:

Rasulullah SAW perintahkan kami supaya berbuka (tidak berpuasa) pada hari-hari ini dan kami dilarang untuk berpuasa.” Malik berkata: “Maksud hari-hari ini ialah hari-hari Tasyriq”.



AKTIVITI PENGUKUHAN

Apakah syarat-syarat sah puasa?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

Senaraikan jenis-jenis puasa bagi kategori berikut:

Puasa yang diwajibkan:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

Puasa yang disunatkan:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

Puasa yang diharamkan:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____



Qadha Puasa & Fidyah

QADHA PUASA DAN FIDYAH



1

Orang yang bermusafir



Orang yang bermusafir lebih dari dua marhalah, dibolehkan berbuka untuk memudahkannya dalam meneruskan perjalanan. Dia wajib mengganti puasanya pada hari lain.



2

Orang yang sakit

Orang yang sakit dan tidak mampu berpuasa, dibolehkan berbuka. Dia wajib menggantikan puasanya apabila sembuh kelak.



QADHA PUASA DAN FIDYAH



3

Orang yang terlalu tua

Orang tua yang terlalu lemah dan tidak mampu berpuasa, diharuskan berbuka. Golongan ini tidak wajib qadha puasa tetapi wajib membayar fidyah sahaja.

Al-Bukhari (4235) meriwayatkan daripada Atho' katanya: Ibnu Abbas r.a. mendengar ayat al-Quran yang dibacakan:

"وَعَلَى الَّذِينَ يُطْبِقُونَهُ فِي دِيَةٍ طَعَامٌ مِسْكِينٌ"

"Dan wajib atas orang-orang yang tidak berdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah (dengan) memberi makan orang-orang miskin." (Al-Baqarah : 184)

Ibnu Abbas r.a berkata: "Ayat ini tidak dimansuhkan. Ia ditujukan kepada orang lelaki dan wanita yang terlalu tua dan tidak mampu berpuasa. Mereka hendaklah memberi makan kepada orang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan.



QADHA PUASA DAN FIDYAH

4

Perempuan hamil dan menyusukan anak

Jika berbuka kerana bimbang mudharat terhadap dirinya sahaja, maka dia wajib qadha sahaja. Jika berbuka kerana takut akan memudaratkan anak, wajib qadha puasa dan membayar fidyah.

At-Tirmidzi (715), Abu Daud (2408) dan selain mereka meriwayatkan daripada Anas al-Kabir r.a. daripada Rasulullah SAW sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى وَضَعَ عَنِ الْمُسَافِرِ الصَّوْمَ وَشَطَرَ الصَّلَاةِ، وَعَنِ الْحَامِلِ أَوِ الْمُرْضِعِ الصَّوْمَ

“Sesungguhnya Allah SWT telah mengangkat puasa orang yang musafir (boleh berbuka) dan telah mengurangkan sembahyangnya (boleh diqasarkan sembahyang) dan diangkat puasa daripada orang yang hamil dan sedang menyusukan anak.”



5

Pesakit yang tiada harapan sembahyang.

Pesakit yang tiada harapan sembahyang. Dibenarkan untuk berbuka dan membayar fidyah pada setiap hari yang ditinggalkan dengan satu cupak makanan asasi.



AKTIVITI PENGUKUHAN

NYATAKAN HUKUM SAMA ADA QADHA, FIDYAH ATAU QADHA SERTA FIDYAH BAGI PERMASALAHAN DI BAWAH BERSERTA ALASAN:

1. Zurina disahkan hamil 2 minggu dan dinasihatkan oleh doktor untuk tidak berpuasa buat sementara waktu bagi menjaga keselamatan bayi di dalam kandungannya.

Jawapan: _____

Alasan: _____

2. Hakimi telah ditempatkan di unit rawatan rapi pada 2 Ramadhan kerana kanser paru-paru tahap 4 yang semakin serius.

Jawapan: _____

Alasan: _____

3. Nenek Sapiah telah berusia 90 tahun. Badannya menjadi terlalu lemah sekiranya dia berpuasa.

Jawapan: _____

Alasan: _____

4. Munir menaiki kapal terbang pada jam 7 pagi dari Malaysia ke Mekah bagi menunaikan umrah pada pertengahan bulan Ramadhan.

Jawapan: _____

Alasan: _____

5. Halimah menyusukan anaknya yang berusia 6 bulan. Badannya akan menjadi tidak bermaya sekiranya dia berpuasa.

Jawapan: _____

Alasan: _____

TINGKATAN PUASA

Puasa Umum (Puasa kebanyakan umat Islam)

Puasa sekadar mampu menahan perut daripada makan, minum dan keinginan berjimak

Puasa Khusus (Puasa istimewa)

Puasa yang dapat memelihara mata, telinga, lidah, tangan dan kaki daripada melakukan dosa.



Puasa Khusus al-Khusus (Puasa paling istimewa)

Merangkumi puasa umum dan puasa istimewa. Disempurnakan pula dengan puasa hati daripada semua keinginan lahir dan batin. Inilah puasa tertinggi kedudukannya di sisi Allah SWT dan merupakan amalan puasa para rasul, nabi, para sahabat, wali dan golongan ahli ibadat.

PERKARA- PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

1. Makan atau minum dengan sengaja walaupun sedikit.

Tidak membatalkan puasa jika terlupa, tetapi wajib berhenti apabila menyedarinya.

2. Murtad. Tidak mempunyai keahlian (kelayakan) untuk beribadat.

3. Mengeluarkan air mani dengan sengaja. Iaitu mengeluarkan air mani dengan melakukan percumbuan dan sebagainya ataupun dengan menggunakan tangan.

4. Muntah dengan sengaja. Sekiranya muntah tanpa sengaja, puasanya tidak batal walaupun sebahagian daripada muntahnya telah masuk semula ke dalam al-jaufnya (perut) tanpa sengaja.

5. Bersetubuh. Iaitu bersetubuh dengan sengaja walaupun tanpa keluar air mani.

6. Keluar haid dan nifas.

Al-Bukhari (298) dan Muslim (80) meriwayatkan daripada Said al-Khudri r.a. : Rasulullah SAW bersabda tentang wanita dan Baginda telah ditanya sebab kurangnya agama bagi wanita: Baginda menjawab: “Bukankah apabila dia sedang haid dia tidak sembahyang dan puasa?

7. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga yang terbuka dengan sengaja.

8. Gila atau pengsan. Seseorang yang gila atau pengsan sepanjang hari dan dia tidak sedar walaupun satu saat maka batallah puasanya.

WATCH NOW 



PERKARA MAKRUH KETIKA PUASA



1

Berbekam.

Ini kerana dibimbangi akan melemahkan tubuh badan.

2

Merasa masakan atau makanan.

Bagi mereka yang tidak ada keperluan untuk merasa makanan, maka hukumnya adalah makruh.

3

Banyak berkumur-kumur.

Disunatkan berkumur-kumur ketika berwudhu dan makruh berlebih-lebihan kerana ditakuti air masuk ke dalam rongga.

4

Bersugi setelah gelincir matahari.

Ini menurut pandangan Imam Syafie dan Ahmad.

5

Mencium isteri.

Ini kerana ditakuti akan merangsang naluri dan membawa kepada perkara yang membatalkan puasa.

AKTIVITI PENGUKUHAN

NYATAKAN SAMA ADA PERKARA DI BAWAH MAKRUH, MEMBATALKAN PUASA ATAU TIDAK MEMBATALKAN PUASA.

1.Bersugi pada waktu asar. (.....)

2.Berbuka puasa kerana menyangka telah masuk waktu maghrib. (.....)

3.Muntah kerana alahan sewaktu hamil.
(.....)

4.Mencium isteri sebelum keluar bekerja.
(.....)

5.Bersetubuh pada malam hari Ramadhan.
(.....)

6.Berkumur-kumur lebih dari biasa.
(.....)

7.Pengsan seketika selepas berkawad.
(.....)

8.Keluar air mani kerana menonton filem lucu.
(.....)

رمضان

PERKARA SUNAT KETIKA BERPUASA



Bersahur merupakan satu anjuran yang amat digalakkan dan hal ini juga yang membezakan puasa umat Islam dengan puasa Ahli Kitab. Selari dengan hadis Nabi Muhammad SAW :

عَنْ عَمِّرٍو بْنِ الْعَاصِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَصُلُّ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَهُ السَّحْرِ

Daripada Amru Ibnu Al-Ash r.a, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Perbezaan antara puasa kita (orang Islam) dengan puasa Ahli Kitab adalah makan sahur”.

(Riwayat Muslim , 1096)

Imam Nawawi r.h di dalam kitabnya *Syarh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim* ada menukilkan berkenaan dengan perbezaan yang paling ketara antara puasa orang Islam dan puasa mereka (Ahli Kitab) adalah bersahur, sesungguhnya mereka tidak bersahur manakala bagi orang islam pula disunatkan untuk bersahur.

Dengan bersahurlah yang membezakan puasa kita dengan puasa umat terdahulu, dan ia merupakan sunat muakkad (sunat yang sangat dituntut). Bertepatan dengan hadis riwayat Anas bin Malik r.a, beliau berkata Nabi Muhammad SAW bersabda :

تَسْحَرُوا فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكَةً

Maksudnya:

"Bersahurlah kamu semua, sesungguhnya pada sahur itu terdapat keberkatan."

Riwayat al-Bukhari (1923), dan Muslim (1095)

Jahuhkah
sanda ?

ASPEK SYARIAH

Mendapat keberkatan dan ganjaran pahala kerana mengikuti sunnah Rasulullah SAW.

Waktu sahur ini merupakan waktu yang paling sesuai untuk berdoa, beribadah dan antara waktu yang mujarab untuk berdoa.

ASPEK FIZIKAL

Mengkonsumsi makanan pada waktu ini membantu badan, memberikan tenaga serta bekalan nutrien yang sepatutnya sepanjang hari.

MELEWATKAN SAHUR DAN MENYEGERAKAN BERBUKA

Pada bulan Ramadhan, waktu sahur dan waktu berbuka adalah dua waktu yang sangat dinantikan. Waktu sahur merupakan waktu yang sangat penting bagi umat Islam, bermula dengan akhir malam sehingga sebelum masuknya waktu subuh iaitu sebelum fajar menyingsing.

Hadis daripada Abu Darda radhiyallahu anhu berkata Rasulullah SAW bersabda :

ثلاثٌ من أخلاق النُّبُوَّةِ : تَعْجِيلُ الْإِفْطَارِ ، وَتَأْخِيرُ السُّحُورَ ، وَوُضُعُ اليمين على الشَّمَالِ فِي الصَّلَاةِ

Maksudnya :

“Tiga perkara daripada akhlak kenabian, iaitu mempercepat waktu berbuka puasa, melewatkkan waktu sahur dan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri ketika di dalam solat”.

HR al-Tabarani, dihukum Sahih oleh al-Albani dalam Sahih al-Jami', No. 3038.



Hadis ini juga dikukuhkan lagi dengan berpandukan kepada sebuah hadis riwayat Aisyah radiallahu anha yang menunjukkan antara amalan sunnah yang dilakukan ketika berpuasa adalah menyegerakan berbuka apabila tibanya waktu berbuka puasa iaitu :

عَنْ أَبِي عَطِيَّةَ قَالَ: قُلْنَا لِعَائِشَةَ: إِنَّ فِينَا رَجُلَيْنِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَحَدُهُمَا يُعْجِلُ الْإِفْطَارَ وَيُؤْخِرُ السُّحُورَ، وَالآخَرُ يُؤْخِرُ الْإِفْطَارَ وَيُعْجِلُ السُّحُورَ。 قَالَ: فَقَالَتْ عَائِشَةُ: أَيُّهُمَا الَّذِي يُعْجِلُ الْإِفْطَارَ وَيُؤْخِرُ السُّحُورَ؟ قَالَ: فَقُلْتُ: هُوَ عَبْدُ اللَّهِ。 فَقَالَتْ: كَذَا كَانَ يَصْنَعُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya :

"Daripada Abi Uthbah r.a berkata : kami berkata kepada Aisyah radiallahu anha, sesungguhnya di kalangan kami terdapat dua orang lelaki dari kalangan sahabat nabi SAW, Salah seorang di antara mereka menyegerakan berbuka dan melewatkhan sahur, dan seorang lagi melewatkhan berbuka dan menyegerakan bersahur. Maka berkata Aisyah, Siapakah di antara kalian yang menyegerakan berbuka dan melewatkhan bersahur ? Maka , aku berkata , Dia adalah Abdullah . Jawab Aisyah sesungguhnya itulah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW".

BERBUKA DENGAN SESUATU YANG MANIS

Bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a :

الْحَدِيثُ يَرْوِي أَنْسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: "أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَبْدَأُ إِذَا أَفْطَرَ" مِنْ صَوْمَهِ، "بِالثَّمَرِ"، أَيْ: يَكْتَفِي بِأَكْلِ ثَمَرَاتٍ عَنْدَ أَذَانِ الْمَغْرِبِ، ثُمَّ يُصْلِي كَمَا جَاءَ فِي الرِّوَايَاتِ؛ وَهَذَا لِمَا فِي الثَّمَرِ مِنْ بَرَكَةٍ. وَهَذَا إِنْْ وُجِدَتْ، وَإِلَّا اكْتَفَى بِشُرْبِ الْمَاءِ كَمَا فِي رِوَايَةِ أَبِي دَاؤِدَ: "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْطِرُ عَلَى رُطُبَاتٍ قَبْلَ أَنْ يُصْلِيَ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطُبَاتٍ، فَعَلَى ثَمَرَاتٍ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ حَسَنًا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ"، أَيْ: شَرِبَ قَلِيلًا مِنَ الْمَاءِ

Maksudnya :

"Hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a: Sesungguhnya Nabi SAW ketika berbuka puasa, baginda bermula dengan buah tamar : iaitu sekadar mencicip tamar ketika azan maghrib, kemudian mendirikan solat seperti mana yang turut diriwayatkan oleh kebanyakan perawi hadis. dan berbuka dengan tamar itu adalah barakah dan ada juga di dalam periwayatan yang lain, mengatakan cukup sekadar meneguk air seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Daud r.a iaitu : Sesungguhnya Rasulullah SAW".



MENJAGA DIRI DARI PERKARA YANG SIA-SIA

Menjaga diri dari berkata perkara yang sia-sia semasa berpuasa adalah salah satu aspek penting dalam menjalani ibadat puasa dengan penuh kesedaran. Puasa bukan hanya tentang menahan diri dari makan dan minum, tetapi juga tentang mengendalikan tingkah laku dan perkataan kita. Berikut beberapa panduan untuk menjaga diri dari berkata perkara yang sia-sia semasa berpuasa:

- Berfikir Sebelum Berkata.
- Hindari Gosip dan Perkara yang Negatif.
- Perbanyakkan Zikir dan Doa
- Menghindari Kontroversi dan Perdebatan
- Berbicara dengan Lemah Lembut dan Sabar
- Gunakan Waktu untuk Beribadat
- Fokus pada Tujuan
- Meminta Pertolongan Allah

SWT

Ingatlah bahawa bulan puasa adalah peluang yang baik untuk memperbaiki diri dan meningkatkan kesedaran spiritual. Dengan menjaga diri dari berkata perkara yang sia-sia, anda dapat mengoptimalkan manfaat ibadat puasa dan mendekatkan diri kepada Allah.

MEMPERBANYAKKAN BERSEDEKAH

Memperbanyak sedekah (pemberian amal) dalam bulan puasa adalah salah satu amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Ini adalah peluang yang baik untuk mendapatkan pahala yang besar dan membersihkan hati dari sifat kedekut. Terdapat banyak hadis yang menggambarkan kelebihan bersedekah sama ada di dalam bulan puasa maupun di dalam kehidupan sehari-hari. Di antara hadis yang terkenal adalah hadis riwayat Ibnu Majah :

وَالصَّدْقَةُ تُطْفِئُ الْخَطَايَا كَمَا تُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ

“Sedekah itu dapat memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api”



Bukan itu sahaja, dengan bersedekah melayakkan kita untuk memasuki salah satu daripada pintu-pintu syurga yang dikhaskan bagi orang-orang yang rajin bersedekah. Berikut adalah beberapa cara untuk memperbanyakkan sedekah selama bulan puasa:

-  Sedekah Harian:
-  Zakat Fitrah
-  Sedekah kepada Fakir Miskin
-  Menyumbang kepada Organisasi Amal
-  Berkongsi Makanan Berbuka Puasa
-  Berikan Sedekah tanpa mengungki
-  Sedekah pada 10 malam terakhir
-  Wujudkan tabung khas ramadhan



Antara perkara sunat yang disarankan untuk dilakukan ketika berpuasa adalah bersuci dari hadas sebelum subuh, yang dimaksudkan dengan hadas adalah keadaan atau situasi yang menghalang seseorang untuk melaksanakan ibadat. Disunatkan bersuci sebelum subuh adalah bagi menjaga beberapa aspek yang penting antaranya ialah :

- Persiapan spiritual _____
- Mendekatkan diri kepada Allah _____
- Menjaga Kebersihan untuk Beribadat _____
- Memastikan Sah di dalam Ibadat _____



BERDOA KETIKA BERBUKA PUASA



اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَبِكَ أَمْنَتُ
وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya :
"Ya Allah, kerana-Mu aku berpuasa, kepada-
Mu aku beriman, kepada-Mu aku
bertawakkal, dan dengan rezeki-Mu aku
berbuka puasa."

Berikut merupakan asbab dianjurkan untuk
berdoa khususnya ketika berbuka puasa :

- Mengingati Allah
- Mengungkapkan rasa syukur
- Mengingati Allah
- Memohon kemampuan

- Menguatkan hubungan dengan Allah
- mengingat kepada yang kurang beruntung

AKTIVITI PENGUKUHAN

JAWAB SOALAN DIBAWAH .

1.Berapakah perkara sunat dilakukan ketika berpuasa. **Nyatakan.**

2.Nyatakan cara untuk menjaga diri daripada perkara yang sia-sia.

3.Sebutkan 4 sebab kenapa perlunya kita berlumba-lumba untuk melaksanakan amalan sunat.

4.Huraikan perbezaan anatara sedekah harian dan zakat fitrah.

5.Apakah persiapan yang perlu dilakukan oleh seseorang sebelum mengerjakan ibadat.

رمضان مبارک

Perbezaan Puasa Muslim dengan Non-Muslim





PERBEZAAN PUASA ORANG ISLAM DAN ORANG BUKAN ISLAM

Sebagaimana yang diketahui ibadat puasa adalah ibadat yang telah diperkenalkan sebelum kedatangan Islam lagi. Sejarah pengamalannya telah bermula daripada umat-umat agama Samawi (Ahli Kitab) sebagai lambang kepada keesaan Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan ayat al-Quran, di dalam Surah al-Baqarah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصَّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى^{١٧٣}
الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

Surah Al-Baqarah (183)





AGAMA YAHUDI




Bagi agama Yahudi, puasa di sisi mereka dikenali sebagai Yom Kippur iaitu Hari Penebusan Dosa. Istilah Yom Kippur ini merujuk kepada hari pada hari tersebut mereka kan berdoa, berpuasa dan beribadat untuk menebus dosa-dosa mereka. Upacara ini dilakukan pada Bulan Tishrei, iaitu hari kesepuluh pada bulan ketujuh di dalam kalender yahudi. Hal ini dirujuk di dalam teks Taurat iaitu :



And this shall be a statute for ever unto you: that in the seventh month, on the tenth day of the month, ye shall afflict your souls, and do no work at all, whether it be one of your own country, or a stranger that sojourneth among you: For on that day shall the priest make an atonement for you, to cleanse you, that ye may be clean from all your sins before the LORD. It shall be a sabbath of rest unto you, and ye shall afflict your souls, by a statute for ever.

Torah, Leviticus, 16:29-31.



Tahukah Anda ?

Mereka akan berpuasa selama 25 jam bermula tenggelammnya matahari sehingga tenggelam matahari pada keesokan harinya.

Yom Kippur ini merujuk kepada hari di mana Allah menerima taubat Bani Israel setelah keingkaran mereka yang mengikut Samiri menyembah berhala (patung Sapi) yang dihasilkannya. Peristiwa ini berlaku ketika Nabi Musa keluar beruzlah bertemu dengan Allah di Gunung Sinai untuk menerima 10 perintah (Ten Commandments).

AGAMA KRISTIAN

Ibadah puasa di dalam agama mereka dikenali sebagai Puasa Lent, iaitu puasa selama 40 hari bersempena dengan 40 hari Jesus Lent keluar mengasingkan diri di padang pasir. Ibadah ini disambut bermula Ash Wednesday iaitu Hari Abu Rabu yang mana diletakkan abu berbentuk salib di atas dahi penganut agama kristian sehinggalah hari ke 40 iaitu pada hari Easter Sunday.

Jahuhkah Anda ?



Selama berpuasa, terdapat beberapa pantang larang yang perlu diikuti :

1. Tidak dibenarkan untuk memakan daging
2. Makan sekali sehari sahaja.
3. Tidak boleh berhibur.
4. Tidak boleh meminum arak.
5. Tidak boleh bermain komputer atau telefon bimbit.
6. Perlu menyembunyikan aktiviti mereka yang sedang berpuasa.





AGAMA BUDDHA

Puasa di sisi Agama Budhha pula lebih kepada mengehadkan diri mereka dengan hanya menjamah makanan yang lembut dan meminum air sahaja. Dalam erti kata lain , mereka tidak boleh memakan makanan yang keras selama mana mereka berpuasa. Dalam agama ini, Ibadah puasa akan dijalankan pada perayaan tertentu atau ketika mana bulan mengambang penuh. alam Agama Budhha , ibadah puasa ini mencakupi salah satu aspek daripada Empat Kebenaran Utama iaitu Kebenaran tentang Dukkha Niroda Gamini Patipada Magga.



Di dalam aspek ni puasa merujuk kepada tatacara untuk melenyapkan kesedihan (Dukka di sisi Budha) melalui pengertian, pemikiran, ucapan, tindakan , gaya hidup , usaha , perhatian serta konsentrasi yang tepat.

AGAMA HINDU

Bagi agama Hindu, puasa di sisi mereka membawa maksud hanya minum air sahaja untuk beberapa hari perayaan seperti Shivaratri, Saraswati Puja dan Durga Puja(Navaratri) dimana pada hari-hari tersebut mereka tidak akan menjamah sebarang makanan.

Puasa di sisi agama Hindu juga dilaksanakan mengikut fahaman serta aliran mereka seperti sambutan Ekadasi dan Punirma (Puasa Bulan mengambang penuh) dan masing-masing menjurus kearah cara mereka membersihkan diri, mengubah takdir hidup mereka dan bermeditasi



PERBEZAAN PUASA

AGAMA ISLAM DAN AGAMA LAIN

TUJUAN PELAKSANAAN

ISLAM :

Untuk mendekatkan diri pada Allah , dan salah satu cara untuk pengendalian nafsu.ia juga merupakan salah satu rukun di dalam Rukun Islam yang lima.



AGAMA LAIN :

Tujuan serta niatnya adalah bergantung kepada agama dan ritual masing-masing. Tujuannya lebih kepada peningkatan spiritual, tradisi dan untuk tujuan kebersihan

WAKTU PELAKSAAAN

ISLAM :

Orang Islam berpuasa selama sebulan di Bulan Ramadhan dimulai dengan terbit waktu fajar sehingga terbenam matahari

AGAMA LAIN :

Waktu pelaksanaan mempunyai variasi mengikut agama dan budaya. Ada diantaranya dilakukan pada setiap hari, dan ada juga hanya pada acara-acara tertentu.



PERBEZAAN PUASA AGAMA ISLAM DAN AGAMA LAIN

IBADAH TAMBAHAN

ISLAM :

Selain dari menahan diri dari makanan, minuman, dan aktiviti tertentu, orang Islam juga dianjurkan untuk melakukan ibadah tambahan seperti membaca Al-Quran, berdoa, dan melakukan amal kebaikan selama bulan Ramadan.



BUKAN ISLAM :

Puasa dalam agama atau budaya lain mungkin atau mungkin tidak melibatkan ibadah tambahan seperti doa atau ritual khusus.

PENUTUPAN PUASA

ISLAM :

Puasa biasanya diakhiri dengan makanan khusus yang disebut "iftar" saat matahari terbenam. Kemudian, ada makanan sahur sebelum terbit fajar untuk memulai puasa pada hari berikutnya.



BUKAN ISLAM :

Cara penutupan puasa juga dapat bervariasi. Dalam beberapa agama, puasa diakhiri dengan upacara khusus atau makanan khusus, sementara yang lain mungkin tidak memiliki tradisi penutupan puasa yang khusus.

AKTIVITI PENGUKUHAN

JAWAB SOALAN DIBAWAH

1. Nyatakan perbezaan puasa bagi agama-agama berikut secara ringkas:

- i. Islam: _____
- ii. Kristian: _____
- iii. Hindu: _____
- iv. Buddha: _____

2. Sebutkan perbezaan tujuan pelaksanaan puasa bagi agama Islam dengan agama yang lain

3. Sebutkan tempoh pelaksanaan puasa di antara agama Islam dengan agama yang lain.

Hikmah Berpuasa



"Setiap amalan manusia adalah untuknya kecuali puasa. Sesungguhnya puasa adalah untuk-Ku. Dan Aku (Allah) sendiri yang akan mengurniakan ganjarannya."

(Hadis riwayat al-Bukhari).




HIKMAH

Märhabän
Ya Ramadän

Berikut merupakan antara HIKMAH disyariatkan untuk berpuasa :

- | | |
|---|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Simbol Ketaatan kepada Allah | <input checked="" type="checkbox"/> Pembersihan Diri dan Tubuh |
| <input checked="" type="checkbox"/> Meningkatkan kesedaran untuk beribadah | <input checked="" type="checkbox"/> Peningkatan Dari Aspek Kesihatan |
| <input checked="" type="checkbox"/> Merasai penderitaan mereka yang kesusahan | <input checked="" type="checkbox"/> Kesempatan untuk Memperbaiki sikap dan tingkah laku |
| <input checked="" type="checkbox"/> Simbol Ketaatan kepada Allah | |






NOTES



PUASA DARI KACAMATA SAINS



PENURUNAN BERAT BADAN

“

Puasa berselang seli (Intermittent fasting) seperti puasa 16/8 (16 jam puasa, 8 jam makan) atau puasa sehari penuh, telah terbukti membantu dalam proses penurunan berat badan kerana konsumasi kalori yang sedikit ketika berpuasa.

[WATCH NOW](#)



“

MENGOPTIMUMKAN

FUNGSI INSULIN

”



Insulin yang dihasilkan oleh pankreas berfungsi untuk menstabilkan kadar gula dan hormon dalam badan. Apabila gula di dalam badan meningkat hasil daripada pemakanan seharian, pankreas akan menghasilkan insulin secara semula jadi untuk meneutralkan kembali kadar bacaan gula dalam darah. Melalui puasa, kita menghadkan kadar pengambilan gula yang masuk dan badan mempunyai masa untuk mengawal kembali kadar gula dalam badan.

“

PENINGKATAN METABOLISME

”

Puasa dapat merangsang perubahan hormon yang dapat meningkatkan metabolisme, membantu pembakaran lemak tubuh.



Selama puasa, tubuh mulai proses dengan mengeluarkan zat-zat berbahaya dan toksin dari dalam tubuh.

Jahukkah
Anda ?

Selama puasa, tubuh mengalami proses autophagy, atau dalam istilah Yunani bermaksud "Makan dengan sendiri", dimana ia diransang apabila tubuh berada dalam keadaan lapar. Ia membantu sel-sel yang rusak atau tidak sehat dibersihkan dan diperbaiki

“ DETOKSIFIKASI TUBUH ”

“ PENINGKATAN FUNGSI OTAK ”

Beberapa penelitian menunjukkan bahwa puasa secara berselang-seling ini dapat memiliki kesan yang positif pada fungsi otak, meningkatkan konsentrasi, kognisi, dan memori.



Jahuhkah Anda ?

Meskipun begitu, penting untuk kita tahu tidak semua golongan dibolehkan untuk berpuasa. Orang dengan kondisi tertentu, seperti golongan diabetes, wanita hamil, atau individu yang sakit kronik yang mana mereka ini telah pun mendapat konsultasi daripada pegawai kesihatan untuk tidak berpuasa. Selain itu, puasa yang dilakukan secara berlebihan atau tidak seimbang dapat menyebabkan masalah kesehatan, seperti kekurangan nutrisi atau penurunan berat badan berlebihan.





AKTIVITI PENGUKUHAN

JAWAB SOALAN DIBAWAH

1. Sebutkan 5 hikmah berpuasa

2. Bagaimakah puasa mampu menjaga kesihatan manusia ?

3. Pada pandangan anda mengapa puasa sering dikaitkan dengan proses penurunan berat badan.



ISU SEMASA BERKAITAN PUASA DAN FATWA ULAMA'



MENGGUNAKAN NASAL SPRAY KETIKA BERPUASA

Bagi pesakit yang mengidap allergic rhinitis , penggunaan Nasal Spray menjadi suatu kemestian khususnya apabila ingin melegakan hidung yang tersumbat atau hingus yang berlebihan. Apabila sedang berpuasa. Terdapat dua jenis situasi yang memberikan hukum yang berbeza, iaitu:

Batal :

Sekiranya semburan tersebut melebihi batas akhir hidung iaitu pada bahagian akhir diantara hidung dan otak .

Tidak batal :

Sekiranya ubat tersebut tidak melebihi had pangkal akhir hidung.



PENGAMBILAN VAKSIN KETIKA BERPUASA

suntikan vaksin mempunyai empat kaedah yang berbeza, iaitu suntikan ke dalam otot (Intramuscular), Suntikan melalui salur darah (Intravena) , Suntikan melalui lapisan kulit atas (Intradermal) dan Suntikan pada kawasan dalam kulit di atas otot (Subcutaneous). vaksin Covid-19 yang digunakan , kaedah suntikan adalah lebih berbentuk Suntikan ke dalam otot iaitu Suntikan Intramuscular.

Tidak batal :

kaedah yang digunakan tidak memenuhi salah satu pun daripada syarat-syarat pembatalan puasa iaitu keluar haid dan nifas atau memasukkan sesuatu ke dalam badan dari rongga yang terbuka.



MEMBUAT SWAB TEST KETIKA BERPUASA

Ujian SWAB Test yang menggunakan kaedah Nasopharyngeal Swab, (saringan melalui hidung) dan kaedah Oropharyngeal swab (saringan melalui calitan di tekak) digunakan untuk mengesan kehadiran virus Covid-19.

Nasopharyngeal Swab dan Oropharyngeal swab keduanya merupakan Reverse Transcriptase Polymerase Chain Reaction (Rt-PCR)



Oropharyngeal Swab

*Tahukah
Anda ?*

*Bagi Oropharyngeal
swab, alat swab akan
dimasukkan ke dalam
mulut sehingga ke
kawasan belakang
anak tekak*




MEMBUAT SWAB TEST KETIKA BERPUASA

Nasopharyngeal swab adalah merujuk kepada proses dimana alat swab akan dimasukkan ke dalam rongga hidung dengan anggaran 8 hingga 12 cm bagi dewasa dan 4.8 cm bagi kanak-kanak sehingga ke kawasan rongga hidung yang paling atas atau dikenali sebagai nasopharynx. Kedua-dua kaedah ini membawa kepada satu hukum yang sama iaitu :

TIDAK BATAL

Kaedah ini tidaklah membatalkan puasa mengikut pendapat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke-87 pada 23 hingga 25 Jun 2009.



MENGGUNAKAN MESNTRUAL CUP / TAMPON BAGI WANITA ISTIHADHAH

Menstrual cup dan tampon merupakan alatan yang digunakan untuk mengumpul dan menahan cecair darah daripada mengalir dan meleleh ketika mengalami menstruasi. Fungsinya sama seperti tuala wanita, namun cara pemakaianya berbeza. Bagi Menstrual cup dan Tampon , kedua-duanya melibatkan proses memasukkan dalam bahagian dinding faraj (vagina) .

*Jahukah
Anda ?*

Mestrual Cup menggunakan silikon gred perubatan bersifat tidak menyerap cecair dan berbentuk loceng.

Tampon pula berbentuk silinder yang dihasilkan menggunakan kapas rayon yang lembut dan memiliki kadar penyerapan yang sangat tinggi.



MENGGUNAKAN MESNTRUAL CUP / TAMPON BAGI WANITA ISTIHADAH

Batal :

Sekiranya pemakaian tampon / mestrual Cup dilaksanakan selepas terbitnya fajar

Tidak batal :

Sekiranya pemakaian tampon / mestrual Cup dilaksanakan sebelum terbitnya fajar





PADA PANDANGAN SAYA





Pada pandangan anda, Bagaimanakah puasa mampu menjadikan seseorang itu lebih mendekati agama?





Bagaimanakah cara untuk memupuk minat dan kesedaran berpuasa di kalangan kanak-kanak?





Pada pandangan anda mengapakah masih ada umat islam yang tidak mampu berpuasa penuh di dalam bulan Ramadhan?



NOTA RAMADAN



NOTA RAMADAN





KESIMPULAN

Ibadah puasa adalah ibadah yang sangat mulia dan banyak mengandungi manfaat dari segi jasmani dan rohani . Puasa mengajar kita untuk berdisiplin dan melatih sifat sabar dalam jiwa seorang insan; sabar dalam menahan lapar dan dahaga, sabar dalam percakapan, sabar dalam mematuhi syarat-syarat dan peraturan puasa. Berkat dari kesabaran inilah yang akan melahirkan insan yang bertaqwa kepada Allah.






RUJUKAN

Buku rujukan:

1. Dr. Mustofa al-Khin. Dr. Mustofa al-Bugho. Ali asy-Syarbaji. Diterjemah oleh Ridzuan bin Hashim. Juanda bin Jaya. Azizi bin Ismail. Mohd Asri bin Hashim. Salehan bin Ayub.(Disember 2005). Kitab Fikah Mazhab Syafie jilid 1&2. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
2. Dato' Ismail Kamus. Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid. (2018) .Indahnya Hidup Bersyariat. Telaga Biru Sdn. Bhd. (ISBN 9789673883905)
3. Haji Abu Bakar Yacub. (1998). Asas Bimbingan Fardhu Ain Lengkap Jilid 1. Pustaka Ilmi.
4. Dr. Muhammad Firdaus bin Nurul Huda. Muhammad Ramzi Omar. (2008). Ensiklopedia Asas Fardhu Ain. Crescent News (KL) Sdn. Bhd. (ISBN 9789830612522)
5. Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhli as-Suhuri Wa Ta'kidi Istihbabih Wa Istihbab Ta'khirihi Wa Ta'jili al-Fitri,
6. Muhammad al-Sayyid Tantawi, al-Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim, (Kaherah: Dar al-Nahdah al-Misriyyah), 1: 380.
7. Wan Norina Wan Hamat. Norhaslina Sulaiman. Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff. Ammar Badruddin Romli. (2019). Pengajian Islam. Oxford Fajar Sdn. Bhd. (ISBN 9789834729752)
8. Miftahul Falah, M.Adnan, Zulfat Bin Hajibubaka.Hukum Empat Kebenaran Mulia (2021). Fakulti Usuluddin. Universiti Darussalam Gontor



RUJUKAN

Laman sesawang :

- 1.https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Panduan_Amalan_di_Bulan_Ramadhan.pdf
- 2.https://www.muftiwp.gov.my/images/pdf/penerbitan/ebook/buku_igraph/marhaban_ya_ramadan.pdf
- 3.<https://maktabahalbakri.com/938-merasa-makanan-ketika-puasa/>
- 4.<https://maktabahalbakri.com/1043-membatalkan-puasa-qadha-ramadhan/>
- 5.<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3833-al-kafi-1446-bagaimakah-cara-puasa-nazar-dan-kaffarah-sumpah-si-mati-ditunaikan-oleh-warisnya>
- 6.IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN SIRI KE-127 : APAKAH YANG DIMAKSUDKAN KEBERKATAN PADA SAHUR?
- 7.<https://dorar.net/hadith>
- 8.<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/5598-irsyad-fatwa-edisi-khas-ramadan-siri-ke-235-penggunaan-menstrual-cup-bagi-wanita-mustahadah-yang-berpuasa>



RUJUKAN

Laman sesawang :

- 10.<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/792-irsyad-al-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-94-hukum-penggunaan-tampon-ketika-berpuasa>
- 11.<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/4746-irsyad-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-176-apakah-hukum-cucuk-vaksin-covid-19-pada-bulan-ramadhan>
- 12.<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/4746-irsyad-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-176-apakah-hukum-cucuk-vaksin-covid-19-pada-bulan-ramadhan>
- 13.<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/5600-irsyad-fatwa-edisi-khas-ramadan-siri-ke-236-adakah-semburan-hidung-nasal-spray-membatalkan-puasa>

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1
40150, Shah Alam
Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000
Fax No : +603 5569 1903

KEINDAHAN BERPUASA

e ISBN 978-967-0032-96-2



9 789670 032962